KHAMIS 13 06 2019
BH VARSITI
bhvarsiti@bh.com.my

5 BERITA MMU Melaka terima anugerah Circular Economy Award
9 USAHAWAN 'Abang bakul' jual pelbagai jenis kek, pastri
12 INOVASI Robot bantu industri berbahaya

FAHAMI DASAR PROGRAM MATRIKULASI

Bantu tingkat bilangan pelajar cemerlang Bumiputera dalam aliran sains tulen

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penubuhan Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan (KPM) bermula hasil daripada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai persediaan pelajar Bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

Mulai sesi 2003/2004, sejumlah 10 peratus daripada keseluruhan pelajar Program Matrikulasi KPM ditawarkan kepada pelajar bukan Bumiputera.

Jika diimbau kembali, keistimewaan Program Matrikulasi KPM adalah diiktiraf oleh semua UA dan turut diiktiraf oleh universiti terkemuka dunia seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat.

Selain itu, Program Matrikulasi menawarkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan pembangunan kemahiran insaniah selain berpeluang menyertai aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan.

Lulusan Program Matrikulasi KPM yang menerima Sijil Matrikulasi melayakkan mereka memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada Gred 29 dalam 39 skim perkhidmatan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

Statistik 2018 menunjukkan seramai 25,000 pelajar diambil mengikuti program itu setiap tahun, 22,500 Bumiputera dan 2,500 lagi bukan Bumiputera.

V3

redaksi

[FOTO HASAN]

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik bergambar bersama penerima sijil ketika majlis penyerahan surat tawaran masuk ke Universiti Awam dan Pusat Matrikulasi Sesi Akademik 2018/2019 di Putrajaya.

Tidak timbul soal diskriminasi

Kuota Bumiputera masih diperlukan bagi memastikan keseimbangan yang dihasratkan kepada semua masyarakat dicapai

Kuala Lumpur

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyokong kenyataan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mempertahankan kuota matrikulasi untuk golongan Bumiputera.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata jika dilihat kini, jumlah kemasukan pelajar Bumiputera yang ada di universiti swasta adalah jauh lebih rendah daripada bukan Bumiputera dan Bumiputera hanya mempunyai fokus untuk memasuki universiti awam (UA).

Beliau berkata, sekiranya kuota itu ditarik semula, sudah pasti jumlah kemasukan pelajar Bumiputera yang ada di UA akan berkurangan.

"Ketika ini kuota Bumiputera masih diperlukan kerana kita mahu memastikan keseimbangan yang dihasratkan oleh kerajaan kepada semua masyarakat dapat dicapai.

"Tidak timbul isu diskriminasi kepada kumpulan lain kerana mereka mempunyai peluang yang jauh lebih baik untuk memasuki universiti swasta dan universiti luar negara yang ada di negara ini," katanya kepada BH Varsiti.

Beliau mengulas mengenai ucapan Maszlee di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang baru-baru ini mengenai isu kuota matrikulasi bukan Bumiputera dan keperluan fasih berbahasa Mandarin untuk memohon pekerjaan yang tidak boleh dilihat secara terpisah.

Dalam ucapan itu, Maszlee, berkata adalah sesuatu yang tidak adil sekiranya kuota matrikulasi untuk bukan Bumiputera dikonggsikan dan pada masa sama majikan masih menetapkan syarat perlu fasih berbahasa Mandarin untuk mendapatkan pekerjaan yang secara tidak langsung menafikan hak kaum Bumiputera.

Agenda nasional

Sementara itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mahu kuota sedia ada bagi program matrikulasi terus dikekalkan untuk membolehkan pelajar Bumiputera memasuki institusi pengajian tinggi (IPT).

Naib Canselornya, Prof Ts Dr Wahid Razzaly, berkata UTHM akan sentiasa membantu negara mencapai agenda nasional iaitu membetulkan ketidakseimbangan ekonomi melalui wadah pendidikan terutama dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

Beliau berkata, semua pihak perlu berbincang mencari persetujuan bersama bagi mengenalpasti laluan alternatif lain yang boleh menarik pelajar menceburi pendidikan berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat bagi mengelakkan keciciran.

"Isu ini tidak perlu diperbesarkan kerana terdapat beberapa laluan alternatif lain ke IPT antaranya melalui program asasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan diploma," katanya.

Terkini, UTHM diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai Pusat Penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu atau dikenali sebagai Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL).

Platform itu bertindak sebagai sebuah pusat yang menyaring kelayakan individu bekerja yang berhasrat menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di mana-mana IPT tempatan.

Laluan berkenaan memberi ruang dan peluang kepada individu bekerja yang tidak mengikuti sebarang program asasi atau matrikulasi untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Perlu diperkukuhkan

Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Dr Shahrir Abdullah, berkata fakulti itu sangat bergantung kepada program matrikulasi KPM untuk mendapatkan calon Bumiputera yang layak.

Beliau berkata, kekurangan calon Bumiputera yang berkelayakan di peringkat STPM menjadikan pelajar daripada program matrikulasi sebagai penyelamat untuk mengimbangi jumlah pelajar Bumiputera berbanding kaum lain.

"Usaha ini perlu diperkukuhkan agar matlamat kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai tenaga mahir profesional, khususnya dalam kalangan Bumiputera dapat dicapai.

"Pusat Pengurusan Akademik UKM yang terbabit secara langsung dalam urusan kemasukan pelajar memaklumkan bahawa program matrikulasi KPM membekalkan hampir 60 peratus hingga 70 peratus daripada jumlah pengambilan pelajar terutama Bumiputera dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, langkah berkenaan sekali gus dapat membantu mengatasi masalah mendapatkan pelajar yang kurang meminati STEM.

Prof Mohammad Shatar Sabran

Prof Wahid Razzaly

Prof Shahrir Abdullah

Jangan politikkan isu matrikulasi

Kangar: Keadilan bukanlah bererti memberi hak sama rata sebaliknya meletakkan sesuatu yang hak di tempat yang sepatutnya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Prof Ir Ts Dr R Badlishah Ahmad, berkata dalam konteks keadilan, adalah penting untuk semua pihak memahami senario masyarakat di negara ini dan lebih penting untuk menjaga keharmonian sesama kaum.

"Perlembagaan Persekutuan sendiri sudah menggariskan beberapa perkara yang menjadi pasak negara dan ia sewajarnya menjadi pegangan teguh dan wajar difahami oleh semua.

"Adalah penting juga untuk seluruh masyarakat meraikan kepelbagaian bangsa, berteraskan ruang sivik yang semakin melebar dengan mengutamakan kestabilan, kemajuan, keadilan, keterangkuman, kebebasan, hak dan demokrasi dan ini termasuklah hak pendidikan," katanya dalam satu kenyataan media di sini, baru-baru ini.

Beliau mengulas demikian berhubung ucapan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik di hadapan penuntut Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang mengenai isu kuota matrikulasi bukan Bumiputera dan keperluan fasih berbahasa Mandarin untuk memohon pekerjaan yang tidak boleh dilihat secara terpisah.

Mengulas lanjut, Dr R Badlishah berkata, dalam melayari kehidupan masyarakat majmuk, Menteri Pendidikan misalnya bukanlah semata-mata ahli politik sebaliknya menjadi ketua pentadbiran yang perlu menjaga keseimbangan komposisi kaum daripada segi agihan kekayaan melalui penyediaan peluang pendidikan yang adil berlandaskan perlembagaan negara itu sendiri.

Aspirasi nasional

Beliau berkata, adalah tidak wajar isu pendidikan seperti itu dipolitikkan oleh mana-mana pihak yang akhirnya hanya akan membawa kepada ketidakstabilan emosi rakyat.

"Sebagai Naib Canselor UniMAP dan berada dalam persekitaran pendidikan sejak tahun 1990-an lagi, saya bersetuju apa yang dikatakan Menteri Pendidikan adalah jelas dan bukan bersifat sentimen perkauman," katanya.

Prof R Badlishah

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib, berkata, pihaknya amat menghargai peranan dan pemantapan usaha kerajaan apabila membuat keputusan terbaik dengan meningkatkan bilangan pengambilan pelajar ke matrikulasi kepada 40,000 tempat pada tahun ini berbanding 25,000 pada sebelumnya.

Jelasnya, usaha itu adalah selari dengan perkembangan semasa dan aspirasi nasional bagi memastikan rakyat di negara ini terus menikmati kemakmuran serta kekayaan ekonomi di samping pertumbuhan positif sosio budaya masyarakat.

"Keputusan Jemaah Menteri itu amat adil kerana selari dengan matlamat asal program matrikulasi semasa diperkenalkan bagi membangunkan potensi pelajar Bumiputera dalam bidang Sains, Teknologi dan profesional melalui pendidikan pra-universiti.

"Jelas program matrikulasi ini diperkenalkan untuk pelajar Bumiputera ekoran masalah ketidakseimbangan kaum di universiti sehinggalah Jemaah Menteri di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad melulukan pada Jun 2002 untuk memperuntukkan 10 peratus kuota bagi pelajar bukan Bumiputera mulai sesi kemasukan 2003," katanya.

[FOTO HIASAN]

Program Matrikulasi *juga dapat membantu mengatasi masalah mendapatkan pelajar yang kurang meminati bidang STEM.*

Bukan program 'pintu belakang'

Dari V1

Namun, timbul isu apabila Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik mempertahankan keputusan Jemaah Menteri berkaitan kuota sistem matrikulasi yang dipertikaikan beberapa pihak terutama dalam kalangan bukan Bumiputera.

Berikutan itu, beberapa naib canselor universiti awam (UA) menyuarakan pandangan mereka membahaskan isu berkenaan dan menyokong saranan Menteri Pendidikan dengan berpendapat dasar ini bukan bersifat perkauman dan patut dipertahankan demi kelangsungan pendidikan tinggi kaum Bumiputera di negara ini.

Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata walaupun dasar semasa menetapkan penempatan untuk pelajar bukan Bumiputera adalah seramai 2,500, KPM menerima masuk 4,068 pelajar, atau 1,568 pelajar lebih daripada kuota ditetapkan.

Beliau berkata, KPM berpegang kepada dasar kesaksamaan dalam pendidikan, di mana intervensi berfokus diberikan kepada golongan yang memerlukan, tanpa mengira kedudukan geografi, sosioekonomi mahupun kaum.

Katanya, Dasar Ekonomi Baharu (DEB) yang diperkenalkan pada 1971 masih belum sepenuhnya dapat mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan. Hakikatnya perlu diakui bahawa ada golongan yang perlu dibantu berbanding kelompok yang lain.

"Justeru, kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke program matrikulasi tidak perlu dipolemik, kerana data sedia ada menunjukkan bahawa kementerian sudah memberi ruang dan peluang yang lebih kepada pelajar bukan Bumiputera untuk mendapat tempat dalam program matrikulasi.

"Selain ke Tingkatan Enam, mereka juga boleh memohon untuk menyertai program persediaan di UA dalam Program Asasi, atau bagi mereka yang berkemampuan boleh meneruskan pelajaran dalam peringkat A Level. Peluang melanjutkan pelajaran ke Politeknik dan Kolej Komuniti juga terbuka luas, tanpa mengira kaum," katanya.



Prof Musa Ahmad



Prof Aini Ideris



Prof Asma Ismail

Sehubungan itu, katanya, amat tidak wajar sekali program matrikulasi menjadi 'mangsa' kepada mereka yang kononnya memperjuangkan hak kaum tertentu, sedangkan peluang terbuka luas untuk memilih laluan masing-masing.

Tingkat peluang

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Datuk Dr Aini Ideris, berkata UPM menyokong bilangan pelajar matrikulasi ditambah seperti yang diumumkan oleh Maszlee, iaitu dari 25,000 kepada 40,000 pelajar.

Katanya, selari dengan penambahan itu, ia akan membantu meningkatkan lagi peluang pelajar cemerlang untuk kedua-dua pihak iaitu pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke dalam program matrikulasi KPM sebagai persediaan kemasukan ke UA.

"Untuk makluman, matrikulasi bukan program yang memberi ruang kepada pelajar Bumiputera yang kurang kompeten kerana pemilihan kemasukan juga adalah berdasarkan merit pencapaian pelajar sewaktu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Ini kerana pemilihan calon ke universiti daripada lulusan matrikulasi, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Asasi dan Diploma juga dibuat berdasarkan merit pencapaian dalam peperiksaan standard kesetaraan yang ditetapkan Unit Pusat Universiti, KPM," katanya.

Mengambil contoh di UPM, Prof Aini berkata, lebih dari 90 peratus pelajar lepasan matrikulasi yang memohon ke program UPM adalah dalam kalangan pelajar cemerlang yang mendapat CGPA lebih dari 3.5 mata.

"Justeru, program Matrikulasi bukannya program 'pintu belakang' tetapi adalah program 'affirmative' bagi menyediakan pelajar untuk bersaing secara sihat dengan rakan mereka yang mengikuti STPM dan Asasi," katanya.

Alat perpaduan

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Asma Ismail berkata, kenyataan Menteri Pendidikan harus dilihat dalam konteks positif dan ikhlas, tanpa mengapi-apikannya dengan sentimen perkauman.

Beliau berkata, keperluan memberi akses pendidikan kepada golongan Bumiputera yang majoritinya berpendapatan rendah amat penting bagi memastikan berlakunya agihan ekonomi lebih saksama dan seimbang kerana ia penting bagi kelangsungan kestabilan sesebuah negara.

Katanya, menangani isu kemiskinan dan mengurangkan jurang ketidaksamaan bukan sahaja agenda negara, tetapi juga agenda penting di bawah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan menjadi tonggak Sustainable Development Goals (SDGs).

"Dua daripada 17 agenda utama di bawah SDGs adalah 'Poverty' (kemiskinan) dan 'Reduced Inequalities' (mengurangkan ketidaksamaan) dan ia harus dicapai oleh Malaysia.

"Sistem pendidikan kita harus berupaya menjadi alat perpaduan utama, yang memperkasa masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya, hidup secara harmoni dan menjadikan kepelbagaian sebagai kelebihan untuk diraikan dan diketengahkan demi kelangsungan negara pada masa hadapan," katanya.